

Dijangkiti melalui nyamuk aedes serta hubungan kelamin dengan pesakit

# FAHAMI KESAN WABAK ZIKA



**Mutakhir** ini, Malaysia dikejutkan dengan penemuan virus Zika yang pertama di Hospital Sungai Buloh, Selangor. Namun, kesedaran masyarakat mengenai apa sebenarnya virus Zika masih kurang.

Secara umumnya, Zika ialah penyakit yang disebabkan oleh virus Zika. Virus ini dibawa oleh nyamuk aedes, iaitu nyamuk yang juga menyebarkan denggi dan Chikungunya terutama dari jenis Aedes aegypti.

Bagaimanapun, tidak seperti denggi dan Chikungunya yang hanya boleh tersebar melalui nyamuk, Zika juga boleh berjangkit melalui hubungan kelamin tanpa perlindungan dengan seseorang yang dijangkiti. Maka seorang suami yang menghidap Zika boleh menjangkitkan penyakit ini kepada isterinya.

Pakar juga percaya kemungkinan besar Zika boleh dijangkiti melalui pemindahan darah, namun lebih banyak kajian yang

diperlukan. Zika tidak boleh tersebar melalui sentuhan biasa dengan orang yang dijangkiti.

Mungkin ramai yang tertanya adakah benar Zika boleh menyebabkan kecacatan pada bayi dalam kandungan. Jawapannya ya. Virus Zika boleh meningkatkan risiko bayi dalam kandungan dilahirkan dengan kepala kecil (mikrosefali) atau kecacatan ketika lahir yang lain.

Mikrosefali adalah keadaan di mana otak tidak berkembang dengan baik menyebabkan kepala bayi dalam kandungan itu lebih kecil berbanding kepala bayi yang normal.

Selalunya individu yang mempunyai masalah ini akan mengalami kecacatan akal, lemah pertuturan, ciri-ciri wajah yang tidak normal, sawan, dan kerdil.

Memetik ucapan Menteri Kesihatan, Datuk Dr S Subramaniam di Persidangan Saintifik Kesihatan Bersekutu ke-11, yang berlangsung pada 6

September 2016; "Daripada 100 ibu mengandung yang dijangkiti virus Zika, hanya satu hingga lima peratus yang mengalami masalah mikrosefali".

Risiko mikrosefali didapati paling tinggi apabila jangkitan virus Zika berlaku dalam trimester pertama atau trimester kedua kehamilan, tetapi kita tidak pasti sama ada peringkat kehamilan yang lain adalah betul bebas daripada kecacatan yang dikaitkan dengan penyakit.

Bagaimanapun, tidak semua wanita hamil yang menghidap Zika akan melahirkan bayi dengan mikrosefali. Saintis masih lagi membuat kajian mengapa sesetengah bayi terjejas dan sesetengah yang lain tidak.

Di Brazil, iaitu negara yang mengalami penyebaran serius penyakit ini, wanita yang menghidap Zika dan mereka yang tinggal di kawasan di mana ada banyak kes Zika berlaku sedang dipantau rapi oleh doktor.

Imbasan ultrasound sepanjang kehamilan digunakan untuk memantau saiz kepala bayi. Zika boleh mengambil masa sehingga 12 hari untuk muncul selepas seseorang itu terkena gigitan.

Simptomnya nampak ringan seperti ruam, gatal-gatal, demam, konjunktivitis (mata merah), sakit di belakang mata, sakit kepala, sakit-sakit otot, sakit belakang pinggang dan sakit sendi atau keradangan.

Simptom ini berlangsung selama dua hingga tujuh hari. Jika anda hamil dan nampak ada bintik-bintik merah pada badan anda, berjumpa doktor dengan segera.

Ujian darah akan mengenal pasti sama ia adalah jangkitan Zika atau penyakit lain. Buat masa ini, tiada rawatan untuk Zika, tetapi mengambil banyak air boleh membantu meredakan simptomnya.

Ibuprofen tidak digalakkan, dan dalam sebarang kes ia dipercayai

kurang selamat digunakan ketika hamil. Secara umumnya, kebanyakan pesakit Zika akan sembuh sendiri.

Tanya doktor anda mengenai antihistamin untuk melegakan kegatalan. Jangan sekali-kali ambil sebarang ubat tanpa nasihat doktor. Anda mungkin perlu tinggal di hospital jika mengalami simptom yang serius atau ada komplikasi lain.

Setakat ini, tiada vaksin untuk Zika. Kaedah pencegahan utama ialah dengan menghapuskan nyamuk dan tempat pembiakannya terutama pada musim tengkujuh.

Sesetengah doktor menasihatkan wanita hamil untuk mengambil langkah berjaga-jaga tambahan, seperti tidur di bawah kelambu dan memasang pendingin hawa di dalam bilik tidur atau rumah untuk mengurangkan keperluan membuka tingkap dan pintu bagi tujuan pengudaraan.